

**PEMAKAIAN PRINSIP-PRINSIP DOKTRIN PERANCANGAN
DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT DALAM PERANCANGAN
DAN PEMBANGUNAN MASJID**

**KAJIAN KES: MASJID JAMIK TAMAN UNIVERSITI, SKUDAI, JOHOR
BAHRU DAN MASJID TUN HUSSEIN ONN LARKIN JOHOR BAHRU.**

AZHAR BIN ABD. AZIZ

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH
SARJANA MUDA PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH**

2003/2004

**FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

MAC, 2004

ABSTRAK

Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat (DPPS) diperkenalkan oleh bekas pengarah JPBD, Doto' Zainuddin Muhammad dalam usaha menerapkan nilai-nilai murni yang diterjemahkan dari Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Di Dalam Pentadbiran (1984). Garis panduan yang menjelaskan tentang pemakaian prinsip-prinsip Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat (DPPS) adalah suatu yang masih baru dalam konteks pelaksanaan. Sejak DPPS diperkenalkan sehingga kini masih terdapat jabatan pelaksana seperti Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dan Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bangunan dan Bahagian Seni Bina, JKR) yang tidak begitu jelas berhubung dengan bentuk pelaksanaan dan pemakaian prinsip-prinsip DPPS terutama dalam perancangan dan pembangunan masjid. Kajian ini menumpukan kepada persepsi pengguna masjid terhadap pemakaian prinsip-prinsip DPPS dalam perancangan dan pembangunan masjid di Masjid Taman Universiti Skudai dan Masjid Tun Hussien Onn, Larkin. Kajian ini juga akan cuba menjelaskan prosedur/ amalan semasa yang digunakan oleh jabatan yang terlibat dengan perancangan dan pembangunan masjid dan setakat mana ianya mencapai prinsip-prinsip DPPS. Penilaian juga dibuat terhadap teori reka bentuk pembinaan dan pembangunan masjid dari kaca mata arkitek dan Islam. Seterusnya di peringkat analisis sebanyak 11 prinsip DPPS akan ditentukan tahap pemakaian berdasarkan persepsi pengguna. Di samping itu, kaedah pemerhatian oleh pengkaji sendiri dilakukan di masjid yang dikaji bagi mendapatkan kepastian berhubung prinsip-prinsip DPPS seperti kehadiran ke masjid, hubungan kemasyarakatan, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak pentadbir masjid, kemudahan masjid, aktiviti pengguna masjid secara individu, kesesuaian reka bentuk, keselamatan dan persekitaran fizikal masjid. Persepsi pengguna masjid akan diperoleh melalui pengedaran borang soal selidik yang mengandungi pengujian terhadap pemakaian prinsip-prinsip DPPS. Selain daripada itu data juga diperoleh melalui jabatan-jabatan seperti JPBD, JAIJ dan JKR. Kesimpulan daripada analisis terhadap pemakaian prinsip-prinsip DPPS dalam perancangan dan pembangunan masjid di dapati penekanan perlu dilakukan terhadap aspek kemudahsampaian pengguna, keselamatan terutama golongan tua dan kanak-kanak, pelaksanaan aktiviti yang pelbagai peringkat bagi membolehkan penglibatan dan sumbangan semua kumpulan masyarakat dari kumpulan umur dan organisasi yang berbeza dan meningkatkan profesionalisme pentadbiran serta pengurusan masjid yang lebih cekap dan berkesan. Dengan usaha pelbagai pihak dijangka prinsip-prinsip DPPS dapat di terjemah ke dalam bentuk realiti perancangan dan pembangunan masjid masa kini.

ABSTRACT

Universal Planning and Development Doctrine (DPPS) was introduced by the former JPBDs Director General, Doto' Zainuddin Muhammad, as an effort to achieve a set of a moral values, translated by Islamic Value Policy in Government Administration (1984). The guideline that describes about the application of DPPS principles is still in the preliminary stage of the development implementation. Since its was introduced, there are a few related departments such as Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) and Jabatan Kerja Raya (Architecture and Building Unit, JKR) are still unclear on the application and implementation of DPPS principles especially in mosque planning and development. The study was concentrated to the mosque consumers' perception with the application of DPPS principles in mosque planning and development at Taman University Mosque, Skudai and Tun Hussien Onn Mosque Larkin. This study also try to describe the current procedure and practice applied by the related departments in mosque planning and development and how detail it's will achieve the DPPS principles. In theoretical part of assessment, there were including mosque construction design and development in Islam and architecture views. Then, on the analysis stages there were 11 DPPS principles shall be determined in term of application levels, according to consumer's perception. Meanwhile, the observation method has been used by researcher at the mosque to define the DPPS principles especially in attendants and participation to the mosques, community relation, and activity implementation by the mosque administrator, mosque facilities, individual activities, appropriate design, safety and the mosque physical environment. The consumers' perceptions shall be defined according to the questionnaire distributions, which represent the assessment of DPPS principle application. Otherwise, the secondary data gathered from departments likes JPBD, JAIJ and JKR. Finally the conclusion from analysis DPPS principle application in mosque planning and development was defined that's the special emphasis must be given to consumer's accessibility, safety for children and elderly, the implementation of multilevel activities with concern to the aspect of contribution and participation of community group, ages group and other organisation and to increase the mosque management and administration professionalism in effective and efficient manner. With the effort of community, the DPPS principles should be probably translated in a reality manner in term of current practice on mosque planning and development.